

# Ibu tunaikan hasrat terakhir graduan

Oleh JUNHAIRI ALYASA

junhairi.alyasa@kosmo.com.my

**BANGI** - Seorang ibu semalam terpaksa menggagahkan diri menaiki pentas majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi mengambil ijazah milik anak lelakinya yang meninggal dunia April lalu.

Normala Yahya, 51, berkata, meskipun cita-cita anaknya, Mohd. Faez Tajuddin, 23, untuk menggunakan ijazah itu bagi membantu keluarga tidak kesempaan, namun dia berpuas hati kerana dapat melaksanakan hasrat Allahyarham mengambil ijazah tersebut pada majlis konvokesyen.

Mohd. Faez yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Perhutanan meninggal dunia akibat virus meningitis di Hospital Serdang pada 15 April lalu.

"Masa mak cik jumpa dia di hospital, dia ada cerita nak ambil ijazah hari ini (semalam) dan minta mak cik datang bersama," katanya yang datang dari Bagan Datoh, Perak ketika ditemui pemberita pada majlis Konvokesyen UPM Ke-33 di sini semalam.

Ijazah Mohd. Faez disampaikan oleh Pro Can-

selor UPM, Tan Sri Lim Ah Lek.

Sementara itu, kakak Mohd. Faez, Teh Suhaila, 28, berkata, adiknya yang merupakan anak kelima daripada 11 adik-beradik itu mempunyai azam yang kuat untuk menamatkan pengajian bagi membolehkan dia segera bekerja sehingga mampu menghabiskan pengajian dalam tempoh lima semester sahaja.

"Sepatutnya program pengajian dia selama tiga tahun tetapi dia habiskan dalam tempoh dua tahun setengah kerana nak bantu keluarga kerana kami bukan orang senang," ujarnya sambil memberitahu Mohd. Faez seorang yang disenangi rakan-rakan.

Pada majlis itu juga, pemain sepak takraw negara, Mohd. Azlan Abdul Munib, 26, turut berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pendidikan Jasmani.

Beliau yang sering mewakili negara ke peringkat antarabangsa juga pernah mengharumkan nama negara apabila berjaya meraih dua pingat perak di Sukan Asia 2006.

"Pada saya pendidikan sangat penting, ada orang cakap menjadi atlet selalunya seorang yang ketinggalan dalam pelajaran tetapi saya ingin buktikan pendapat itu salah," katanya.



NORMALA (kanan) tidak dapat menahan sebak semasa menerima ijazah anaknya, Mohd. Faez daripada Ah Lek pada Majlis Konvokesyen UPM Ke-33 di Serdang semalam.